IKLAN JAWATAN KOSONG
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(A) DIBUKAKAN KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SAHAJA

1. JAWATAN : PENERBIT KANAN
2. TANGGAGAJI : B.2 ($2,270 - $3,760)
3. JABATAN/ KEMENTERIAN: KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
4. KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Mempunyai pengetahuan tentang kersamian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

2. a) i. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dalam bidang Publication / Education / Social Science / Businces / Design and Advertising / Marketing atau bidang yang bersesuaian

   Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan

   DAN

   ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan

   ATAU

   b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Penerbit atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan

   ATAU

   c) Telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan

3. Mempunyai pengalaman dan dapat membuktikan kemampuan dalam menguruskan penerbitan buku/artikel/tulisan berbentuk ilmiah termasuk mereka cipta bentuk buku terbitan dan mempromosikannya adalah satu keutamaan.

4. Berkemampuan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik serta berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab adalah merupakan satu kelebihan.

5. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabtatan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENERBIT KANAN:-

1. Membantu Ketua Pusat yang bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan-urusan mengumpulkan, membukukan, mencetak dan menerbitkan buku-buku atau jurnal-jurnal ilmiah.

2. Membantu dari segi pengurusan, penyediaan bahan, peralatan, perhubungan dengan syarikat-syarikat percetakan dan sebagainya.

3. Bertindak sebagai Setiausaha kepada Pusat Penerbitan dan Percetakan di Kolej Universiti.

4. Membantu merancang dan meneliti segala bahan/ buku / majalah untuk diterbitkan termasuk mereka bentuk bahan-bahan terbitan.

5. Menerima arahan tugas daripada Ketua Pusat dan pegawai-pegawi atasan dari masa kesemasa.

PEMBERITAHUAN:

1. Permohonan adalah melalui pengisian borang KUPU SB/P2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.

2. Isikan satu (1) salinan sahaja borang KUPU SB.

3. Borang KUPUSB boleh didapati dengan melayari laman web www.kupu-sb.edu.bn dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan seperti yang disebutkan di para 8 **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**

4. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**)

5. Permohonan tersebut hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

   a. **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon
   b. **Rekod Perkhidmatan** yang lengkap

6. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara menelefon **2236277** (Bahagian Pentadbiran, KUPUSB)

7. Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada:

PEJABAT PENDAFTAR
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN BA 2111
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Telefon: (+673)2236277 Faks: (+673)2225226

TARIKH TUTUP IKLAN 14 Disember 2019

BILANGAN IKLAN KUPU SB/PJW/01/2019